


Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Ketua Polis Negara – Bahagian Kewangan
Pengarah Jabatanrahar Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)
Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri
Semua Pengarah Negeri Dan Cawangan Jabatan Akauntan Negara
Semua Pusat Gaji



KERAJAAN MALAYSIA
SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 5 TAHUN 2009

**PERATURAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN KEPADA
ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DALAM KUMPULAN
SOKONGAN BAGI TAHUN 2009**

1. TUJUAN

- 1.1** Surat Pekeliling ini adalah bertujuan menetapkan peraturan pembayaran Bantuan Khas Kewangan kepada semua Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang layak dalam kumpulan sokongan yang berkhidmat pada tahun 2009.
- 1.2** Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2009.

2. ASAS PERKIRAAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2009

- 2.1** Kerajaan telah menetapkan supaya Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500.00 diberi kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan

yang layak dalam Kumpulan Sokongan sahaja dan hendaklah dibayar dua kali seperti berikut :

- i) **RM250.00** dibayar sebelum Hari Raya Aidilfitri dan;
- ii) **RM250.00** lagi dibayar bersama gaji bulan Disember 2009.

3. PERATURAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN

3.1 Pembayaran Pertama Bantuan Khas Kewangan Tahun 2009 kepada yang layak telah dibayar pada 17 September 2009.

3.1.1 Bagi tujuan mempastikan bayaran pertama ini dapat dilaksanakan pada tarikh yang telah ditetapkan, Pejabat Perakaunan telah diminta menguruskan bayaran dengan menggunakan Kod Akaun Amanah 889907.

3.1.2 Pejabat Perakaunan hendaklah melaraskan semula Kod Akaun Amanah 889907 dengan dicajkan ke vot masing-masing iaitu 15106 bagi kakitangan tetap dan 29306 bagi kakitangan yang lain.

3.2 Bayaran kedua akan dibuat bersama gaji bulan Disember 2009. Bagi Anggota Perkhimatan Awam yang layak di mana gajinya dibayar melalui Sistem Gaji Berkomputer perkara berikut hendaklah diambil maklum :-

3.2.1 Penyata Perubahan (Kew. 8) tidak perlu disertakan. Pejabat Perakaunan (Negeri / Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Jabatan Mengakaun Sendiri) akan mengeluarkan **Laporan ZRPY068** sebagai menggantikan Borang Perubahan (SG20) untuk bayaran yang kedua.

3.2.2 Kementerian / Jabatan hendaklah **menyemak** amaun Bantuan Khas Kewangan yang dibayar seperti di dalam **Laporan ZRPY068** terutama sekali mereka yang tidak layak menerimanya dan mereka yang hanya layak menerimanya secara "*proportionate*" seperti yang tersebut di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2009.

3.3 CUKAI PENDAPATAN

Bantuan Khas Kewangan Tahun 2009 tidak dikira sebagai pendapatan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan setelah mengambil kira kebijakan kakitangan awam dalam Kumpulan ini terutama bagi meringankan beban kos persediaan musim perayaan dan juga persediaan persekolahan pada hujung tahun ini nanti.

3.4 POTONGAN CARUMAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

Bantuan Khas Kewangan ini adalah tidak termasuk di bawah definisi "upah" sepetimana yang diperuntukan di bawah Seksyen 2, Akta KWSP 1991, sehubungan dengan itu ianya tidak perlu dicarumkan ke KWSP."

3.5 BAYARAN SECARA "PROPORTIONATE"

Bagi Kakitangan Awam yang tidak layak menerima Bantuan Khas Kewangan ini sepenuhnya tetapi layak menerima secara "proportionate" seperti yang tersebut di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2009, adalah menjadi tanggungjawab Kementerian/Jabatan mengutip semula atau memotong daripada gaji bulan berikut amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang Anggota Perkhidmatan Awam.

3.6 BAGI ANGGOTA YANG TIDAK TERSENARAI

Bagi kakitangan yang layak tetapi tercicir pada bayaran pertama yang telah dilakukan oleh pejabat perakaunan sebagaimana di para 3.1.1, PTJ berkenaan hendaklah menguruskan bayaran ini dengan mengambilkira kelayakan dan amaun yang sepatutnya diterima sama ada melalui baucar berasingan atau mengisi penyata perubahan gaji SG20 bulan berikutnya dan menyertakan dokumen-dokumen yang sepatutnya. Bayaran ini hendaklah dicajkan ke vot masing-masing iaitu 15106 bagi kakitangan tetap dan 29306 bagi kakitangan yang lain.

3.7 PEMBAYARAN MELALUI BAUCAR BERASINGAN

Bagi Bantuan Khas Kewangan 2009 yang dibayar melalui baucar berasingan hendaklah disertakan Penyata Perubahan (Kew.8) dan lain-lain dokumen sokongan.

3.8 PELARASAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2009

Pelarasan yang sewajarnya jika perlu hendaklah dibuat oleh Kementerian/Jabatan dalam bulan Disember 2009.

3.9 KOD URUSNIAGA

Kod urusniaga yang perlu digunakan adalah seperti berikut:

<u>KOD SODO</u>	<u>KOD ELAUN</u>	<u>PERIHAL KOD ELAUN</u>
15106	1530	Bantuan Khas Kewangan Tahun 2009 Bagi Pegawai Tetap.

<u>KOD SODO</u>	<u>KOD ELAUN</u>	<u>PERIHAL KOD ELAUN</u>
29306	1530	Bagi Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap.

**4. PERUNTUKAN UNTUK MEMBAYAR BANTUAN KHAS KEWANGAN
TAHUN 2009**

Kementerian/Jabatan Kerajaan hendaklah membayar Bantuan Khas Kewangan ini daripada peruntukan tahun semasa yang sedia ada. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi, permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Perbendaharaan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Perakaunan Berintegriti Perkhidmatan Berkualiti"

(DATO' MOHD SALLEH BIN MAHMUD)
Akauntan Negara Malaysia

12 Oktober 2009

s.k :

1. Ketua Audit Negara
2. Semua Akauntan/Bendahari Negeri
3. Ketua Eksekutif, LHDN
4. Pengurus Besar KWSP